

KATA GANTI NAMA

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Ayah, _____ mendapat tempat yang pertama dalam peperiksaan," kata Wani dengan gembira.

A saya	C engkau
B aku	D kamu

2. Ahmad murid yang berdisiplin. _____ sentiasa mematuhi peraturan di sekolah.

A Mereka	C Dia
B Baginda	D Beliau

3. Datuk Rosli ialah pegawai daerah di kawasan itu. _____ telah menderma wang sebanyak enam ribu ringgit untuk membina balai raya itu.

A Patik	C Beliau
B Dia	D Mereka

4. Menurut para peserta ekspedisi itu, _____ akan tiba di puncak Gunung Tahan pada tengah hari ini.

A kamu	C mereka
B kita	D dia

5. " _____ mesti sentiasa menjaga nama baik kampung ini," kata ketua kampung kepada anak buahnya.

A Saya	C Ia
B Beta	D Kita

6. "Betulkah Pak Cik Cheong itu datuk _____?" tanya Chitra kepada Soo.

A awak	C kami
B mereka	D encik

7. "_____hendak pergi berkelah di Air Terjun Sekayu," kata Ah Meng dan Raju kepada Badrul.
- | | |
|----------|-----------|
| A Engkau | C Saudara |
| B Tuanku | D Kami |
8. Sultan Ahmad berasa sangat sedih kerana puteri_____diserang penyakit ganjil.
- | | |
|-----------|-------|
| A patik | C dia |
| B baginda | D nya |
9. "Janganlah_____dihukum, tuanku," rayu tukang masak istana kepada Sultan Azlan.
- | | |
|---------|--------|
| A hamba | C saya |
| B aku | D beta |
10. "Bilakah_____sampai?" tanya Encik Lim kepada kawannya.
- | | |
|----------|-------|
| A kita | C cik |
| B engkau | D da |